

Sumbangan BND2,500 buat YASKA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Oktober. - Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA) terus mendapat perhatian dan pemedulian daripada pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Kedutaan Diraja Thailand mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan kepada YASKA, bertempat di Bilik Seminar, Tingkat 2, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman yang juga menyaksikan penyerahan sumbangan berkenaan.

Sebanyak BND2,500 disumbangkan buat YASKA, disampaikan oleh Duta Besar Istiemewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul kepada Naib Pengurus YASKA, Tsara' Nawwarah binti Abdullah Chen.



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman

Sumbangan tersebut merupakan hasil yang disumbangkan oleh peniaga-peniaga melalui Thailand Bazaar, yang dianjurkan oleh Kedutaan Thailand pada 28 hingga 30 Ogos 2020, di Pusat Membeli-belah One City.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan (tengah) hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyaksikan penyerahan sumbangan kepada YASKA yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istiemewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam (kiri) kepada Naib Pengurus YASKA, Tsara' Nawwarah binti Abdullah Chen (kanan) (atas kiri), sementara gambar atas, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan menerima cenderahati daripada PYT.

Khatam Al-Quran sempena tamat pengajian



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengepalai bacaan Surah Al-Fatiha pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesukuran sempena tamat pengajian dalam Program Sarjana Muda dan Program Diploma mahasiswa UNISSA.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Oktober. - Seramai 216 bakal graduan terdiri daripada 73 mahasiswa dan 143 mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesukuran sempena tamat pengajian dalam Program Sarjana Muda dan Program Diploma.

Majlis diadakan secara berasingan iaitu Surau Al-Syafi'i bagi mahasiswa dan Dewan Auditorium UNISSA untuk mahasiswa.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan mengepalai bacaan Surah Al-Fatiha ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfani bin Haji Zainal, diikuti dengan bacaan ramai peserta bakal graduan yang bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Naas.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dan disudahi dengan bacaan Doa Khatam oleh pelajar Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir & Hadis), Dayangku Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin dan penyampaian sijil penyertaan disempurnakan oleh Penolong Rektor (Akademik), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyerahan

Sijil Khatam Al-Quran kepada para graduan mahasiswa diiringi dengan persembahan Dikir Marhaban, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Kesukuran sempena tamat pengajian dibacakan oleh mahasiswa Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Usul), Abdul Muhammin bin Dr. Haji Serbini.

Bagi peserta siswazah pula, Doa Khatam dibacakan oleh pelajar Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir & Hadis), Dayangku Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin dan penyampaian sijil penyertaan disempurnakan oleh Penolong Rektor (Akademik), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Manakala Doa Kesukuran



ANTARA mahasiswa yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut.

dibacakan oleh mahasiswa Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Kehakiman), Nurul Hikmah binti Hidzam.

Majlis Khatam kali ini diadakan mengikut prosedur pengendalian piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan seperti pemeriksaan suhu badan, penjarakan sosial, pemakaian sungup muka dan pengehadan keramaian kepada 350 orang di kedua-dua buah lokasi majlis.

Antara lain majlis diadakan adalah bagi menzahirkan rasa kesyukuran setelah mengikut pengajian di UNISSA, di samping menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Zikir.

Dengan adanya majlis ini juga adalah sebagai pembudayaan dalam pembacaan Al-Quran dalam kalangan para mahasiswa dan mahasiswa agar dijadikan amalan sepanjang hayat. Apatah lagi dengan amalan pembacaan Al-Quran itu akan membawa ke arah kesempurnaan akhlak yang mulia.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara tahunan yang diungkayahkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Penyelaras Aktiviti Keagamaan dan dihadiri oleh Timbalan Rektor, Penolong - penolong Rektor, Pegawai - pegawai Utama dan Tenaga Akademik UNISSA.